



Nama:

Kelas:

Tarikh:

Tema/Tajuk : Perkaitan dan Algebra/Koordinat, Nisbah dan Kadaran

SK : 7.2 Nisbah

SP : 7.2.1 Mewakilkkan hubungan antara dua kuantiti dalam nisbah 1:1 hingga 1:10, 1:100 dan 1:1000.

NISBAH

BAHAN-BAHAN KUIH LAPIS

- 2 cawan tepung beras
- $\frac{1}{2}$ cawan tepung gandum
- $\frac{1}{2}$ cawan tepung jagung
- 1 cawan santan pekat
- 3 cawan air
- 1 cawan gula pasir
- $\frac{1}{4}$ sudu teh garam
- sedikit pewarna merah dan perisa ros

Sumber: <https://iluminasi.com/bm/resepi-kuih-lapis.html>

- a Berapakah nisbah bilangan cawan gula pasir kepada bilangan cawan santan pekat?



1 cawan gula pasir



1 cawan santan pekat

1 cawan gula pasir kepada 1 cawan santan pekat dinyatakan sebagai nisbah satu kepada satu.

Nisbah satu kepada satu ditulis sebagai 1 : 1.

Nisbah bilangan cawan gula pasir kepada bilangan cawan santan pekat ialah 1 : 1.

- b Nyatakan nisbah bilangan cawan gula pasir kepada bilangan cawan tepung beras.



1 cawan gula pasir



2 cawan tepung beras

Nisbah satu kepada dua ditulis sebagai 1 : .

Nisbah bilangan cawan gula pasir kepada bilangan cawan tepung beras ialah : .

TIP
Nisbah ialah perbandingan antara dua kuantiti yang mempunyai unit yang sama.

- 2 Bilangan buku cerita yang dibaca dalam seminggu oleh empat orang murid.

Murid	Janaki	Shery	Koon	Nora
Bilangan buku cerita				

Nyatakan nisbah bilangan buku cerita Janaki kepada bilangan buku cerita Nora.



Nisbah bilangan buku cerita Janaki kepada bilangan buku cerita Nora ialah 1 : 5.

Nyatakan nisbah bilangan buku cerita Janaki kepada bilangan buku cerita:

- a Shery b Koon



- 3 Apakah nisbah jisim ikan kepada jisim ayam yang dimasak oleh ibu Chiew?



jisim ikan
1 kg



jisim ayam
10 kg

1 : 10

Nisbah jisim ikan kepada jisim ayam ialah 1 : 10.

TIP
Nisbah tidak perlu ditulis unit.

- 4 Gambar menunjukkan harga tiga jenis barang yang dibeli oleh abang Fuad.



RM1



RM100



RM1 000

- a Nyatakan nisbah harga penanda buku kepada harga kasut.

harga penanda buku

harga kasut



1 : 100

Nisbah harga penanda buku kepada harga kasut ialah 1 : 100.

- b Nyatakan nisbah harga penanda buku kepada harga telefon.

harga penanda buku

harga telefon

RM1

RM1 000

□ : □

Nisbah harga penanda buku kepada harga telefon ialah □ : □.

- 5 Lihat gambar di sebelah. Nyatakan nisbah isi padu jus timun kepada isi padu jus lobak.

isi padu jus timun

isi padu jus lobak

1 ℓ

4 000 ml

1 ℓ

4 ℓ

□ : □

Nisbah isi padu jus timun kepada isi padu jus lobak ialah □ : □.



TIP

Pastikan unit
adalah sama untuk
menyatakan nisbah.

Latihan ms221 (Rujuk Buku Teks)

1. Gambar menunjukkan sebuah pasu bunga. Nyatakan nisbah
a) bilangan bunga ros kepada bilangan bunga tulip.

- b) bilangan bunga ros kepada bilangan bunga matahari.



2. Jadual menunjukkan panjang tiga dawai.

Dawai	R	S	T
Panjang	1 mm	1 cm	1 m

Nyatakan nisbah:

- a) panjang dawai R kepada panjang dawai S.

- b) panjang dawai S kepada panjang dawai T.

3. Nyatakan nisbah:

- a) isi padu picagari 1 mL kepada isi padu picagari 100 mL.

- b) isi padu picagari 1 mL kepada isi padu beg cecair 1 L

